

## **Sime Darby Property Meneruskan Kemenangan Platinum di Putra Brand Awards 2024**

*Meraih Pengiktirafan Tertinggi untuk Tahun Ketiga Berturut-turut*

- Syarikat merangkul anugerah Platinum dalam kategori ‘Pembangunan Hartanah’;
- Dipilih oleh orang ramai, pengiktirafan ini mengukuhkan komitmen Sime Darby Property untuk menyampaikan pembangunan yang inovatif, mampan dan berkualiti tinggi.

**ARA DAMANSARA, 20 JANUARI 2025** – Sime Darby Property (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) telah sekali lagi memenangi Anugerah Platinum berprestij dalam kategori ‘Pembangunan Hartanah’ di Putra Brand Awards 2024. Pencapaian ini menandakan tahun ketiga berturut-turut Syarikat mengekalkan kedudukannya sebagai syarikat pembangunan hartanah pilihan negara.

Sebagai anugerah yang diundi oleh orang ramai, penghargaan tersebut membuktikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap jenama Sime Darby Property, yang telah dibina di atas asas kecemerlangan, inovasi dan kemampanan yang kukuh selama lebih lima dekad. Syarikat memperoleh undian tertinggi berdasarkan kriteria utama termasuk kebiasaan jenama (*brand familiarity*), penggunaan (*usage*), tanggapan (*impression*), niat untuk membeli (*intent to purchase*) dan kemungkinan pengesyoran.

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato’ Seri Azmir Merican, berkata, “Anugerah undian awam ini jelas mengesahkan kepercayaan rakyat Malaysia terhadap Sime Darby Property sebagai pemaju hartanah terkemuka. Kami berbesar hati dengan pengiktirafan ini, yang mencerminkan komitmen kami untuk menyampaikan pembangunan berkualiti tinggi selaras dengan Matlamat kami untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet. Kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengundi, pelanggan kami dan rakan kongsi kami atas sokongan berterusan mereka.”

Dikenali sebagai "Anugerah Pilihan Rakyat", Putra Brand Awards ialah anugerah penilaian jenama terkemuka Malaysia, dan ia merupakan satu-satunya anugerah jenama, oleh dan untuk pengurus dan pemilik jenama. Dilancarkan pada 2010, anugerah itu mengiktiraf jenama yang mempamerkan kecemerlangan dalam menghubungkan dan membina hubungan yang kukuh dengan pengguna.

Dianjurkan oleh *Association of Accredited Advertising Agents of Malaysia* ("4As") dengan kerjasama *Malaysia's Most Valuable Brands* ("MMVB"), pemenang dipilih melalui tinjauan dalam talian oleh lebih daripada 11,000 responden di pelbagai kategori produk dan perkhidmatan.

**-TAMAT SIARAN-**

**Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangannya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, 'All-Stars' di StarProperty Awards 2024, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | [alia.miorazhar@simedarbyproperty.com](mailto:alia.miorazhar@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)